

3 Jun 2016

Kenyataan Media oleh

**DATO' IR. JASENI MAIDINSA**

**Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan**

**Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)**

pada Majlis Perasmian Pakej 12, Loji Rawatan Air Sungai Dua

## **MENINGKATKAN REZAB RAWATAN AIR PULAU PINANG KEPADA 36.3%**

**Pakej 12 Loji Rawatan Air Sungai Dua mewakili jaminan bekalan air yang telah mengalami fasa perkembangan dan diperluaskan, daripada PBAPP kepada semua 575,747 pelanggan di Pulau Pinang**

PULAU PINANG, Jumaat (3/6/2016): Pembukaan rasmi Pakej 12 Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua) telah meningkatkan kapasiti rezab rawatan air di negeri ini kepada 36.3%, yang merupakan antara yang tertinggi di negara ini.

Pada tahun 2015, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membekalkan secara purata 1014.5 juta liter air terawat sehari (JLH) di Pulau Pinang. Dengan pembukaan Pakej 12, kapasiti simpanan rawatan air 9 loji rawatan Pulau Pinang telah mencapai 1,593 JLH.

Oleh itu, kapasiti rawatan air di negeri Pulau Pinang kini 36.3% melebihi permintaan air. Rezab sebanyak 36.3% adalah penting kerana:

1. Ia menyediakan jaminan kukuh bahawa PBAPP mampu merawat air lebih daripada mencukupi untuk Pulau Pinang, setiap hari. Walau bagaimanapun, seperti mana-mana jaminan, ia bergantung juga kepada keadaan. Dalam hal ini, ciri yang paling penting adalah jumlah air mentah yang boleh diperolehi dari Sungai Muda.
2. Ia mencerminkan komitmen kami untuk memenuhi keperluan rawatan air di negeri ini pada masa depan, sekurang-kurangnya untuk 5 tahun akan datang.
3. Ia menyokong misi kami untuk mengelak catuan air di Pulau Pinang, seperti yang diarahkan Kerajaan Negeri.

Pendek kata, Pakej 12 Loji Rawatan Air Sungai Dua mewakili jaminan bekalan air yang telah mengalami fasa perkembangan, daripada PBAPP kepada semua 575,747 pelanggan di Pulau Pinang ... termasuk semua kilang-kilang pembuatan berteknologi tinggi dan hotel bertaraf dunia, serta pembekal perkhidmatan antarabangsa dan pemaju hartanah.

Pakej 12 terdiri daripada 4 komponen utama berikut:

- Muka sauk dan Stesen Pam Air Mentah Baru untuk meningkatkan abstraksi air mentah dari terusan Sungai Dua;
- Modul Pemprosesan Air 114MLD untuk meningkatkan kapasiti rawatan loji ini dan dilengkapi dengan plat keluli tahan karat *Lamella*;
- Kerja-kerja *Sludge Settling and Supernatant Recovery* untuk menyokong pengendalian mesra alam untuk bahan-bahan buangan rawatan; dan
- Sebuah Makmal Ujian Air Berpusat untuk memudahkan ujian yang lebih tepat dan pengukuran kualiti air mentah dan air terawat.

LRA Sungai Dua adalah pemasangan bekalan air yang paling penting di Pulau Pinang. Ia mengeluarkan lebih daripada 80% air terawat yang dibekalkan di seluruh Negeri Pulau Pinang setiap hari.

Pembukaan Pakej 12 menandakan kejayaan menyempurnakan kerja naiktaraf ke-7 LRA Sungai Dua sejak pembukaannya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, pada tahun 1973.

Reka bentuk output maksimum loji ini telah ditingkatkan daripada 136 juta liter sehari (JLH) pada tahun 1973 kepada 1,228 JLH pada tahun 2016. Ini menunjukkan peningkatan kapasiti rawatan air sebanyak 900%. Dalam erti kata lain, kita telah meningkatkan rawatan air LRA Sungai Dua sebanyak 9 kali ganda.

Oleh itu, PBAPP menerima pengiktirafan antarabangsa, "ASEAN Outstanding Engineering Achievement Award", untuk kerja-kerja kejuruteraan di loji rawatan air ini.

Walaupun begitu, kita perlu sentiasa ingat bahawa sumber utama air



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

mentah bagi Loji Rawatan Air Sungai Dua adalah Sungai Muda. Inilah sebabnya kenapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP sentiasa prihatin dengan paras air Sungai Muda, terutamanya ketika musim Super El Niño tahun ini.

Kita tidak boleh lupa pengajaran yang diperolehi daripada Super El Nino untuk kita pada tahun ini.

Kerajaan Persekutuan perlu merangka pelan pengurusan krisis air mentah Wilayah Utara yang boleh dilaksanakan terutama pada musim kemarau berpanjangan pada masa hadapan.

Pelan ini perlu mengambil kira keperluan dan keutamaan untuk bekalan air dan pengairan ... sebelum simpanan empangan menurun ke tahap kritikal. Yang paling penting, pelan serantau ini mesti jelas menetapkan langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan catuan air.

Pelan itu boleh dirumuskan, dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, (KeTTHA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Kita tidak tahu bila "kemarau panjang" yang seterusnya akan melanda Malaysia. Walau bagaimanapun, Wilayah Utara mesti berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi kemarau seperti itu pada masa hadapan.

Terima kasih.

---

Contact : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)